MESYUARAT DUN MS3-4

Sijil Halal-KN sedia bantu MS 6

Amal inisiatif kompos & kitar semula MS 20



PERCUMA

buletin Mutiara




1 – 15 November 2012

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

*Salam Maal Hijrah 1434H dan Selamat Menyambut Hari Deepavali daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang.*

# Tiada lagi miskin di P. Pinang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** -Sebanyak RM20 juta diperuntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 demi mencukupkan pendapatan minima bulanan bagi setiap isi rumah di Pulau Pinang dari RM600 kepada RM770, iaitu pada kadar yang melebihi garis kemiskinan.

Ini bermaksud bahawa sekiranya terdapat mana-mana isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM770 sebulan, maka, Kerajaan Negeri bakal menambah nilai atau '*top-up*' bakinya untuk mencukupi RM770.

Berikut adalah antara intipati pengumuman Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2013 atau Belanjawan Pulau Pinang 2013 yang mengangkat tema AES iaitu Agenda, Ekonomi dan Saksama sempena persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-12 di sini baru-baru ini.

Katanya, kejayaan Pulau Pinang menjadi negeri pertama bebas dari miskin tegar di Malaysia dengan memastikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dinaikkan daripada RM500 sebulan kepada RM600 sebulan untuk tahun 2012 membuktikan keberkesanan dasar '*Pro-Poor*' yang dilaksanakan Kerajaan Negeri mulai tahun 2009. Namun demikian, Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membasmi kemiskinan sama sekali.

Jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, menurut laporan IKMAS (*Institute of Malaysian and International Studies*, UKM) pada tahun 2011, garis kemiskinan (*Poverty Line Indicator*) bagi Semenanjung Malaysia merupakan RM763 sebulan.

"Garis kemiskinan ini merupakan tahap pendapatan yang diperlukan untuk menikmati taraf kehidupan yang paling minima.

"Berdasarkan garis kemiskinan RM763 ini, kadar kemiskinan di Pulau Pinang pada tahun 2007 dan 2009 merupakan 1.4 peratus dan 1.2 peratus masing-masing.

"Dengan (mencukupkan pendapatan isi rumah RM770 sebulan) ini, Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama untuk mencapai taraf Miskin Sifar, Rasuah Sifar, Pengangguran Sifar dan pada suatu hari nanti Hutang Sifar," tegas beliau yang turut menyatakan bahawa sejumlah RM60 juta disediakan untuk pelaksanaan program-program sosial dan kebajikan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun depan.

Berikut adalah ringkasan butiran Belanjawan 2013 yang dibentangkan Y.A.B. Ketua Menteri :



**KETUA Menteri bersama barisan Exco dan ADUN-ADUN Kerajaan Negeri bergambar bersama-sama selepas selesai pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2013 AES pada Persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima DUN Pulau Pinang Ke-12 di sini baru-baru ini. *(Gambar ihsan).***

## MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

- RM12 juta untuk Sekolah-sekolah Bantuan Modal termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh.

## MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM (RM46.42 juta)

- RM13.84 juta meliputi pembangunan masjid, surau dan SAR.

- Peruntukan meneruskan pembinaan masjid baru yang mengambilkira prasarana mesra orang kurang upaya (OKU), iaitu di Masjid Jamek Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut dan Masjid Jamek Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

## MEMACU PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & KOMUNITI

- RM 2.3 juta untuk melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan serta mewujudkan persekitaran yang menggalakkan bagi menyokong dan memajukan wanita.

- RM3 juta diperuntukan untuk pemeriksaan mamogram secara percuma yang akan dijalankan bersama peruntukan ADUN di bawah Program Kesihatan Bebas Barah Payu Dara Pulau Pinang

## MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

- Peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri untuk memantapkan prasarana dan budaya kesukanan bertambah RM1 juta kepada RM7.67 juta, manakala peruntukan yang disediakan untuk aktiviti belia juga bertambah kepada RM752,000.

- Peruntukan khas sebanyak RM5 juta akan diberikan untuk membina gelanggang futsal di seluruh Pulau Pinang.

## MEMPERTINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

-Insentif kewangan RM15,000 kepada jabatan yang berjaya mengekalkan prestasi cemerlang.

-Bonus setengah bulan gaji dengan minima RM700 pada bulan Disember 2012 dan Januari 2013 nanti - setelah 3,780 penjawat awam menerima bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM600 menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri lepas.

-Guru-guru dan penyelia KAFA akan menerima RM400 kali ini iaitu RM700 untuk tahun ini berbanding RM600 tahun lalu.

-Sejumlah RM7.466 juta akan dibelanjakan bagi maksud pemberian bonus ini. Pemberian bonus ini turut dipanjangkan kepada kedua-dua PBT dan Badan-badan Berkanun Negeri.

## MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN

- Mensasarkan pengeluaran padi sebanyak 6.5 metrik tan per hektar.

- Peruntukan RM 7.18 juta bagi memastikan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri meningkat.

** Bagi teks penuh, sila layari www.penang.gov.my atau facebook, cmlimguaneng.*

# eJKKK berteras ICT dilancar



ANTARA JKKK yang hadir pada Majlis Pelancaran Sistem 'eJKKK' di sini baru-baru ini.



MANSOR Othman.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERMATANG PAUH -** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman baru-baru ini melancarkan sistem 'eJKKK' atau sistem info pentadbiran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Bertemakan, 'JKKK Pulau Pinang Perintis Komuniti Berteknologi', beliau berkata, sistem tersebut mampu melonjak imej Kerajaan Negeri selari dengan status Pulau Pinang yang dikenali sebagai negeri bertaraf antarabangsa serta mesra teknologi tinggi.

"Dengan adanya sistem ini, JKKK Pulau Pinang telah selangkah ke depan menyusuri arus modenisasi," ujar beliau di Seberang Jaya, di sini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Law Choo Kiang (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir), Lydia Ong Kok Fooi (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti), Maktar Shapee (Ahli Dewan Undangan Negeri/ADUN Sungai Bakap), Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah) dan Tan Cheong Heng (ADUN Padang Lalang) turut hadir pada majlis perasmian tersebut.

Berucap di depan lebih 800 kepemimpinan JKKK sekitar Seberang Perai, Mansor berkata, sistem tersebut diharap mampu melancarkan lagi interaksi dua hala antara JKKK dan warga setempat.

Pengenalan eJKKK itu sekaligus mencipta sejarah tersendiri bagi JKKK di negeri berkenaan.

## SINDIR MUTIARA



# DUN gantung Azhar kali kedua

**GEORGE TOWN –** Majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang sekali lagi bersetuju dengan usul menggantung Ketua Pembangkang, Datuk Azhar Ibrahim selama enam bulan kerana didakwa menghina kemuliaan dewan.




Kali pertama, Azhar digantung adalah pada 17 Ogos 2010 selepas membangkitkan sentimen 13 Mei di dewan semasa bertikam lidah dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Keputusan itu dicapai selepas Azhar yang juga ADUN Penaga enggan mengaku bahawa beliau ada menyebut, "verbatim itu bila-bila masa boleh dimanipulasi" pada sidang mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) lepas sehingga beliau dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Guan Eng semasa membentangkan semula usul itu petang tadi berkata, beliau bersedia mencadangkan Azhar tidak digantung sekiranya segala kesalahan diakui serta-merta.

Namun, Azhar dalam reaksi spontan berkata, "Saya tidak akan tarik balik (kenyataan saya), tidak akan minta maaf. Titik."

Terdahulu, Azhar mendakwa wujud verbatim atau catatan persidangan DUN yang dikaitkan dengan peranan Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain serta Juru Trengkas demi melindungi Guan Eng yang didakwa mengeluarkan kenyataan berunsur hasutan.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih dituduh menyebut, "Sekiranya Barisan Nasional mengambilalih (Kerajaan Negeri Pulau Pinang), saya rasa mungkin semua kuil dirobohkan," semasa berucap pada sidang dewan lepas.

Namun, verbatim (catitan persidangan) serta rakaman video asal yang didedahkan oleh Abdul Halim kemudiannya nyata membuktikan Guan Eng menyebut, "Kalau ini boleh berlaku sebelum pilihanraya, selepas pilihanraya (umum) ke-13, sekiranya UMNO kembali berkuasa, saya rasa semua kuil terancam."



ADUN Seberang Jaya, Datuk Arif Shah Omar Shah (tiga dari kanan) ceria ketika memperkatakan sesuatu kepada Ketua Menteri sambil diperhatikan barisan Exco.

Kenyataan Guan Eng dipertikai semata-mata kerana Ketua Menteri itu membela hak penganut Hindu di Pulau Pinang ekoran tindakan pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) didakwa meroboh kuil Hindu berusia 40 tahun di Perai *Bulk Cargo Terminal (BCT)* tanpa notis pemberitahuan terlebih dahulu.

# RUU Anti Lompat Parti jadi Enakmen negeri

**GEORGE TOWN –** Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti 2012 dipersetujui menjadi (RUU) Enakmen di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini.

27 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mesra Kerajaan Negeri sebulat suara bersetuju dengan Enakmen itu demi merealisasikan integriti politik di negeri berkenaan pada Pilihanraya Umum nanti.

ADUN Telok Bahang, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya, Datuk Jasmin Mohamed (ADUN Sungai Dua), Datuk Mahmud Zakaria (ADUN Sungai Acheh) dan Zabariah Wahab (ADUN Bertam) masing-masing menyatakan pendirian "tidak mengundi" selepas bacaan rang undang-undang kali kedua dan ketiga dilakukan di dewan.

"Saya percaya sekiranya diluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 ini, pastinya sistem demokrasi di negeri ini akan menjadi lebih mantap dan matang, dan keyakinan rakyat terhadap ahli-ahli politik juga akan bertambah," kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa membentangkan rang undang-undang tersebut.

Dengan kelulusan Enakmen tersebut, Perkara baru 14A, bertajuk "Pertukaran parti politik seorang ahli", selepas Perkara 14 dalam Perlembagaan Negeri.

Fasal (1) Perkara baru ini memperuntukkan bahawa seseorang ahli Dewan yang telah dipilih sebagai calon sesebuah parti politik hendaklah mengosongkan kerusinya sekiranya dia melepaskan atau dilucutkan keahliannya atau berhenti daripada menjadi ahli parti politik tersebut atas apa-apa jua sebab.

Sebaliknya, seorang ahli yang dipilih sebagai calon bebas hendaklah mengosongkan kerusinya sekiranya dia menyertai suatu parti politik.

Fasal (2) Perkara 14A pula mengecualikan keadaan di mana seorang ahli berhenti daripada menjadi ahli parti politiknya akibat pembubaran atau pembatalan pendaftaran partinya, atau di mana seorang ahli melepaskan keahlian partinya atas sebab pemilihannya sebagai Yang di-Pertua Dewan.

"Sekiranya berlaku pertukaran parti politik seorang ahli seperti yang diperuntukkan dalam Fasal (1), maka kerusi ahli tersebut akan dianggap kosong secara automatik, dan Yang di-Pertua Dewan hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut Fasal (4).

"Walaubagaimanapun, ahli yang telah mengosongkan kerusinya menurut Perkara 14A boleh bertanding semula dalam mana-mana pilihanraya yang berikutnya, mengikut Fasal (3)," ujar beliau.

# Pelan asal JE ada jejantas – Hock Seng

**GEORGE TOWN –** Sesi soalan lisan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-12 baru-baru ini memperlihatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee mempersoalkan kelemahan yang timbul dalam pembinaan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (dahulu dikenali Lebuhraya Jelutong, JE) di sini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata bahawa banyak kelemahan yang wujud dalam pembinaan lebuhraya terbabit sehingga menyebabkan kesesakan dan kemalangan di beberapa kawasan terutama laluan selepas jeti Jabatan Laut Wilayah Utara.

"Sebagai contoh, perancangan pembinaan jejantas di Gat. Lebuh Macallum telah dibatalkan oleh mantan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

"Kerajaan Negeri ada memohon kepada pemaju untuk mengadakan rel adang *(guard rails)* dan pagar bagi mengelak pejalan kaki terutamanya melintasi lebuhraya di kawasan tersebut.

"Isu keselamatan inilah Tan Sri Dr. Koh dan Barisan Nasional (BN) perlu memberi maklum balas kepada rakyat kerana kita (Kerajaan Negeri) sekarang mewarisi 'kecacatan' dari kelemahan pengurusan dan pentadbiran sebelum ini," katanya bagi menjawab soalan lisan berhubung keselamatan sepanjang lebuhraya berkenaan.

Hock Seng berkata, pengguna lebuhraya berkenaan terutama warga Pulau Pinang yang melalui Jambatan Pulau Pinang,



ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (depan, tengah) bersalaman dengan ADUN Sungai Acheh, Datuk Mahmud Zakaria (duduk, kiri) sambil diperhatikan ADUN Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin.

'diseksa' sekian lama rentetan kelemahan reka bentuk pembinaan (laluan dari Batu Maung).

Katanya, pengguna lebuhraya terpaksa melalui laluan tirus sebelum menaiki jambatan dan terpaksa berhadapan dengan situasi kesesakan yang melampau terutama ketika waktu kemuncak.

"Oleh demikian, Kerajaan Negeri telah meminta pemaju menyumbang sejumlah RM4 juta untuk membina laluan tambahan di kawasan berkenaan bagi melancarkan pergerakan trafik.

"Dari dua laluan kini menjadi tiga laluan sekaligus mengurangkan kesesakan sejak dibuka pada penghujung Oktober lalu," tambah Hock Seng.

# Kerajaan Negeri tidak abai nelayan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan kebajikan dan kemajuan komuniti nelayan di Pulau Pinang sungguhpun tanggungjawab tersebut adalah digalas oleh kerajaan persekutuan.




Menurut Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang, selain memberi kawasan (tanah) kepada persatuan-persatuan nelayan, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan sebuah kolong di Juru bagi membantu para nelayan memperoleh pendapatan lumayan.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah memberi tanah kepada beberapa persatuan nelayan untuk membina jeti dan membuka gerai makanan.

"Malah, pendapatan daripada hasil kolong juga mampu memberi manfaat kepada lebih 3,000 nelayan di Sebarang Perai.

"Kemudahan yang diberikan Kerajaan Negeri ini melebihi subsidi yang diberikan kerajaan persekutuan, jadi tidak timbul isu Kerajaan Negeri mengabaikan kebajikan nelayan di Pulau Pinang," tegas Choo Kiang.

Beliau berkata demikian bagi menjawab kenyataan dilontarkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.



**SPEAKER DUN bersama-sama Ketua Menteri, barisan Exco dan ADUN-ADUN memotong kek selepas berakhirnya sidang DUN.**




**SPEAKER DUN, Datuk Abdul Halim Hussain (kiri sekali) sambil ditemani Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (depan, tengah) menerima kunjungan delegasi luar negara yang mengadakan lawatan khas.**

# Trek laluan basikal di Pulau Aman

**GEORGE TOWN –** Trek laluan basikal yang teratur dan selamat untuk kegunaan riadah bakal disediakan sebagai salah satu produk baru bagi memantapkan sektor pelancongan Pulau Aman di sini.

Cadangan tersebut dinyatakan dalam ucapan penggulungan Exco Pelancongan dan Kebudayaan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Lanchang, Law Heng Kiang pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ke-12 di sini baru-baru ini.

Katanya, rancangan penambahbaikan di Pulau Aman akan dijalankan secara berperingkat bagi melihat dan menilai impak bagi setiap inisiatif yang dilaksanakan.

"Dengan penyiapan projek Jambatan Kedua tidak lama lagi, Kerajaan Negeri menjangkakan peningkatan pengunjung ke Pulau Aman.

"Program-program *homestay* yang terdapat di Pulau Aman boleh diperkemaskan bagi memberi pengalaman menarik kepada pelancong luar negara terutamanya," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Heng Kiang memberitahu, Kerajaan Negeri juga merancang untuk menyediakan bot pelancong yang sesuai untuk membawa pelancong dari Jeti Batu Musang ke Pulau Aman.

# Pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid bermula Jan. 2013

**GEORGE TOWN –** Istana pada 20 September yang lalu telah memperkenankan bagi mengadakan Pemilihan Jawatankuasa Kariah Masjid Pulau Pinang bagi tahun 2013-2015 yang akan bermula pada Januari hingga April 2013 tahun hadapan.

Perkara tersebut diumumkan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim pada sesi penggulungan usul Belanjawan Negeri 2013.

Abdul Malik berkata, pemilihan tersebut akan ditentukan melalui satu mesyuarat agung dan digariskan melalui tatacara pemilihan jawatankuasa kariah masjid.

"Satu tatacara pemilihan jawatankuasa kariah masjid telah dirangka oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang pada awal 2011 bagi melaksanakan pemilihan tersebut.

"Walau bagaimanapun, kita telah menerima arahan daripada pihak istana supaya menangguhkan dan melanjutkan tempoh pemilihan sehingga hujung 2012 kerana hal ini telah dipolitikkan oleh sesetengah pihak," ujarnya pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-12 di sini baru-baru ini.




**BEBERAPA petugas berjalan menerusi pengesan keselamatan yang baru dipasang di pintu masuk dewan perbahasan DUN.**

Tambah Abdul Malik, proses pendaftaran ahli-ahli kariah akan berakhir pada 31 Disember ini.

"Surat edaran bagi pemilihan tersebut akan diedarkan kepada hampir 200 buah masjid-masjid yang terlibat," ujarnya.



AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah, duduk) bergambar kenangan bersama-sama para hadirin pada Majlis Jemputan Kenduri Qurban di Taman Seri Mengkuang, Penanti.




PARA Petugas Unit Memotong Daging dalam program korban di Balik Pulau.



PETUGAS Unit Agihan KADUN Pulau Betong memasukkan daging ke dalam bungkusan untuk diagihkan.



ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee (kiri sekali) turut serta mengacau gulai di Surau al-Ikhwan, Seberang Perai Selatan.



KANAK-kanak turut tidak melepaskan peluang menyertai program Ibadah Qurban KADUN Pulau Betong, Balik Pulau.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (bersongkok hitam) beramah-mesra dengan para tetamu di Majlis Jemputan Kenduri Qurban di Taman Seri Mengkuang, Penanti.



ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man bersama-sama anak qaryah Permatang Pasir melapah daging korban.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Telok Bahang, Halil Sabri Hamid (dua dari kiri) turut serta melapah daging lembu untuk diagihkan kepada penduduk sekitar.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Penaga, Rosidi Hussain (depan, berkopiah putih) melapah sebahagian daging lembu sempena sambutan Aidiladha di Penaga, Seberang Perai Utara.



ADUN Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim melapah daging korban di majlis anjuran JKKK, PPS dan penduduk Teluk Tempoyak.

# Sijil Halal - JAIPP, Halal Penang & KN sedia bantu

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan pihak berkuasa tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas apabila terdapat premis makanan yang mengambil kesempatan sewenang-wenangnya meletakkan logo Halal walhal pihak berkenaan tidak memilikinya.

Rentetan itu, pemantauan dan notis telah dilaksanakan JAIPP sejak empat tahun lalu, malah, Kerajaan Negeri melalui Halal Penang turut mengenalpasti dan memberi khidmat nasihat kepada pengendali premis makanan supaya mengemukakan permohonan memperoleh Sijil Pengesahan Halal.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, JAIPP, Halal Penang dan Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk membantu dalam proses mendapatkan sijil Halal sekiranya pengendali premis makanan memberi kerjasama sewajarnya.

"Kita khuatir sekiranya pengendali premis tidak memperoleh sijil Halal, isu Halal ini akan berlanjutan dan Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak bawa ke mahkamah untuk tindakan undang-undang," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, inisiatif terperinci turut diambil bagi memastikan pembekalan bahan-bahan mentah ke restoran-restoran Halal di Pulau Pinang mengikut piawaian Halal dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Pembekal bahan-bahan mentah perlulah peka terhadap isu Halal dan tidak hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata.

"Kita (Kerajaan Negeri) memandang serius perkara ini kerana isu Halal bukanlah isu remeh yang boleh dipandang enteng," tegas beliau.

Jelasnya, bahan-bahan mentah yang dibekalkan ke restoran Halal bukan sahaja perlu bersih, tetapi juga Halal dan suci, selaras dengan landasan syariah.

"Aduan yang diterima banyak menyentuh soal penyembelihan ayam mentah dan penggunaan sudu dan garfu di restoran-restoran yang terdapat di pusat membeli-belah.



ABDUL Malik Abul Kassim.

"Kita juga ada menerima aduan di mana beberapa premis makanan yang tidak ada Sijil Pengesahan Halal atau meragukan," ujar Abdul Malik.

Lanjutan itu, Abdul Malik turut bercadang untuk mengadakan perjumpaan dengan pengendali premis makanan terutama di kompleks membeli-belah berhubung isu Halal.

"Kita tidak mahu timbul keraguan orang Islam apabila mengunjungi medan selera di sini," jelasnya.

# Naiktaraf Jln. Tun Sardon siap hujung November

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PAYA TERUBONG –** Para pengguna kenderaan menghala ke Balik Pulau yang menggunakan Jalan Tun Sardon dan Jalan Paya Terubong bakal mendapat manfaat daripada Projek Rancangan Pembangunan Jalan Negeri Pulau Pinang (fasa tiga) yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung November ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, sebanyak RM600,000 telah diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi menjayakan projek tersebut.

"Projek ini diharap bakal meredakan trafik dari Relau naik ke Balik Pulau dengan menjadikan satu laluan sedia ada kepada dua laluan.

"Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk menangani masalah kesesakan dan kesibukan trafik di persimpangan ini yang sekian lama menjadi dilema kepada penduduk Balik Pulau, kawasan Paya Terubong dan Relau," ketika Sesi Lawatan Tapak Projek Menaiktaraf Persimpangan Jalan Tun Sardon/Jalan Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Zaini Husain dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Menurut Hock Seng, adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar mendapat peruntukan daripada pusat untuk membina jejantas dari Balik Pulau terus ke arah Relau, namun, semuanya adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan pusat walaupun pada dasarnya ia telah dipohon sejak tahun 2002 lagi.

Terdahulu, Hock Seng turut mengadakan lawatan kerja ke tapak projek melibatkan tiga fasa proses penaiktarafan di sepanjang Jalan Tun Sardon.




LIM Hock Seng (dua dari kanan), Ahmad Azmil Mohd. Mohktar (kanan), Zaini Husain (kiri sekali) dan Yeoh Soon Hin ketika mengadakan lawatan ke tapak Projek Menaiktaraf Persimpangan Jalan Tun Sardon/Jalan Paya Terubong di sini baru-baru ini.

Menerusi lawatan tersebut, beliau turut diberikan penerangan ringkas mengenai status projek yang sedang dilaksanakan oleh pihak kontraktor terlibat.

Dalam pada itu, jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Barat Daya, Ahmad Azmil Mohd. Mokhtar ketika mengulas lanjut menyatakan bahawa, tiga fasa pelaksanaan pembinaan projek dimulakan pada tahun ini (2012), manakala, fasa terakhir (fasa empat) hanya akan dimulakan pada tahun 2013.

"Fasa pertama, kedua dan ketiga melibatkan penstabilan cerun, pembinaan longkang, pelebaran jalan, menaiktaraf persimpangan jalan dan penstabilan cerun di Jalan Tun Sardon yang telah berjalan serentak dan dijangka siap sepenuhnya menjelang hujung November ini.

"Diharap kerja melaksanakan fasa empat dapat dijalankan secepat mungkin tahun depan (2013) sekiranya mendapat peruntukan," ujar Ahmad Azmil.

# ADUN Datok Keramat tekad selesai masalah banjir kilat

**DATOK KERAMAT –** Sejak berpuluh-puluh tahun lamanya, kejadian banjir kilat di Kampung Kebun Lama seolah menjadi suatu ‘kebiasaan’ kepada penduduk yang menetap di sini.

Namun, berlainan pula tanggapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo sejak empat tahun lalu yang melihat perkara tersebut bukan sesuatu yang perlu ‘dibiasakan’ penduduk. Sebaliknya, ia adalah masalah yang perlu diselesaikan kerajaan memerintah.

Menurut Jagdeep, sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) memerintah Pulau Pinang, masalah banjir kilat sudah dapat diselesaikan sejak dua tahun lalu berbanding kerajaan sebelum ini yang gagal melaksanakannya dalam tempoh bertahun-tahun.

“Namun, ekoran jumlah hujan yang turun agak luar biasa dan fenomena air laut pasang pada bulan Jun, Julai dan Ogos lalu, ia telah menyebabkan limpahan Sungai Pinang naik setinggi 2.9 meter,” katanya kepada Buletin Mutiara yang mengadakan tinjauan khas ke Kampung Kebun Lama di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, Jagdeep bertekad mempercepatkan usaha pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa II (dari kedai kereta Toyota Sungai Pinang ke Dhoby Ghaut).

“RTB Fasa II perlu untuk disiapkan secepat mungkin bagi memberi laluan kepada Fasa III yang mungkin dilaksanakan tahun hadapan,” ujarnya.

Jelas Jagdeep, bagi persediaan musim monsun kali ini iaitu pada bulan Oktober lalu, November dan Disember, projek mendalamkan sungai-sungai giat dijalankan dan kesediaan pihak berwajib seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) adalah amat diharapkan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

“Sebagai tambahan, JPS dan MPPP turut bersetuju menambah kekerapan membersihkan kawasan sungai dari tempoh sebulan sekali kepada dua minggu sekali,” kata Jagdeep.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Izwan Nizam Abdul Kadir, 34, menyatakan bahawa dua tahun lalu, penduduk di sini lega dengan inisiatif yang diambil pihak Kerajaan Negeri.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) dan Izwan Nizam abdul Kadir (kanan sekali) meninjau keadaan sungai yang menjadi punca banjir kilat di Kampung Kebun Lama di sini.

“Namun, kini masalah lama kembali disebabkan faktor-faktor cuaca yang tidak dapat dielakkan.

“Sekurang-kurangnya, ada usaha daripada pihak Kerajaan Negeri bagi membantu kami di sini,’’ katanya sambil memaklumkan bahawa kejadian banjir kilat pada Ramadhan lalu telah menenggelamkan 17 buah rumah di sekitar kawasan tersebut.

Bagi Abdul Wahab Ismail, 65, beliau turut memaklumkan kesedihannya melihat rintihan sesetengah penduduk yang mengalami kerugian seperti pakaian ‘dirosakkan’ air bah.

“Kereta dan motorsikal sesetengah penduduk dimasuki air. Ada juga pakaian sekolah anak-anak dan buku sekolah rosak akibat terkena air banjir dan tidak dapat digunakan lagi,” jelasnya.

## Projek sPICE berjalan lancar

Oleh**: WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN BARU –** Projek Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (sPICE) yang bakal menjadi pusat komersial negeri ini kini berjalan lancar dibawah seliaan kontraktor, Syarikat SP Setia Sdn. Bhd. (SP Setia) yang berjaya memperoleh tender terbuka Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi membangunkan projek berkenaan di sini.

Di bawah projek sPICE, infrastruktur stadium utama dalam kawasan bekas tapak Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) tersebut akan dinaiktaraf, manakala, struktur-struktur lain bakal diroboh dan didirikan binaan dan struktur lebih moden dan dinamik.

Menurut Penyelia Kanan Tapak Projek sPICE, Alan Yeoh, kerja-kerja menaiktaraf bahagian utama dalam adalah berjalan dengan lancar.

“Jika sebelum ini suasana agak panas, kini, penghawa dingin sudah dinaiktaraf, bumbung bocor telah dibaiki dan pancaran lampu turut diselenggara supaya ia lebih terang.

“Bagi bahagian kolam renang, SP Setia akan mendirikan sebuah *Club House*. Pengubahsuaian besar dibuat pada bahagian kolam renang ekoran kerosakan pam air dan keretakan dasar sedia ada yang gagal dibaiki.

“Sebagai tambahan, lot-lot kedai komersial termasuk kedai makanan dan minuman akan didirikan bersebelahan kolam renang,” katanya kepada Buletin Mutiara yang mengadakan lawatan khas ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Pembinaan sPICE bernilai RM 300 juta menerusi sistem tender terbuka adalah sejajar dengan visi negeri ini untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya antarabangsa.

Pusat tersebut bakal memenuhi keperluan yang mendesak untuk sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang dan wilayah utara yang mana ia akan menjadi satu pembangunan ‘*iconic*’, iaitu sebuah pusat konvensyen ‘*subterranean*’ pertama di Malaysia yang mempunyai taman hijau dilanskap dengan indah di atas bumbungnya.



ALAN Yeoh menunjukkan lakaran artis projek sPICE yang dijangka siap pada tahun 2016.

Alan memberitahu, bahagian pintu masuk utama (berhadapan Relau), sebuah pusat konvensyen (arena utama) akan didirikan di bahagian bawah tanah, manakala, bumbungnya akan dilengkapkan dengan sebuah taman berkonsepkan ‘*Green Roof*’ untuk rekreasi penduduk setempat.

“Fasa terakhir, iaitu bekas tapak parkir bertingkat pula akan didirikan sebuah hotel mewah yang bakal dimaklumkan kemudian,” jelas beliau.

# ‘Pelajar Emas’ diiktiraf ahli debat serantau

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Pulau Pinang mencipta sejarah tersendiri apabila tiga pelajar Sekolah Perempuan St. George’s menempah nama dalam kejohanan debat antarabangsa *International Debate Education Association (IDEA) Asia Youth Forum (AYF) 2012* baru-baru ini.

Dalam pertandingan debat terbuka bertemakan “Merentasi Sempadan: Penghijrahan Dalam Asia” di Bangkok tersebut, Yuhaniz Abdul Malik, 16, diiktiraf sebagai ahli debat keenam terbaik daripada 78 peserta yang merebut Kejuaraan Debat Karl Popper.

Manakala, Haamsaaveni Dilip Kumar, 16, pula diiktiraf sebagai ahli debat kelapan terbaik daripada 66 ahli debat yang menyertai Kejohanan Debat Campur Berkumpulan Jacques’ Angels melibatkan negara Filipina, Kemboja dan Myanmar.

P.S. Karen Kaur, 16, turut menerima pengiktirafan dalam saingan yang sama.

Selain menerima sijil penyertaan, Haamsaaveni dan Yuhaniz masing-masing menerima tunai berjumlah RM200, manakala, Karen menerima tunai RM100.

Mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu sidang akhbar di Komtar, di sini, melahirkan penghargaan atas kejayaan ketia-tiga ‘pelajar emas’ berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

*IDEA AYF 2012* dianjurkan *IDEA* dan *UNITED Thailand* dengan tajaan *Open Society Foundations; Office of Education Council, Thai Ministry of Education; Tourism Authority of Thailand* dan *PTT Global Chemical Public Company Limited*.




**KETUA Menteri menyerahkan sijil penghargaan dan sumbangan Kerajaan Negeri kepada Yuhaniz Abdul Malik (dua dari kiri) sambil diperhatikan Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) pada majlis penghargaan khas di sini baru-baru ini.**



**SANIAH Abdul Rahman (kiri sekali) menerima sumbangan pampasan insurans kematian daripada Ketua Menteri sambil disaksikan Maklen Ali (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.**

# RM50,000 untuk balu PHC

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Dua balu kepada bekas kakitangan Perbadanan Bukit Bendera (PHC) terharu apabila menerima pampasan insurans bernilai RM50,000 daripada Pengurus Besar PHC, Maklen Ali di sini baru-baru ini.

Mereka adalah Saniah Abdul Rahman yang kehilangan suaminya, Allahyarham Rozali Mohd. Rejab, 36, yang merupakan Penjaga Jentera Elektrik Bertauliah (*Chargeman*) dan A. Ramayee (mendiang K. Krishnaminan, 53, pekerja am khas PHC).

Allahyarham dan mendiang meninggal dunia ekoran *Acute Coronory Syndrome* dan *Pulmonary Edema*.

Sumbangan tersebut adalah hasil pampasan daripada pelan insurans hayat yang diperkenalkan PHC sejak Jun tahun lalu kepada para kakitangan perbadanan.

Majlis Penyampaian Cek Sumbangan Pampasan Insurans Kematian yang berlangsung di Komtar di sini disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PHC.

Menurut Maklen, jumlah tersebut dibayar kepada setiap keluarga berkenaan.

“Kehilangan ‘mereka berdua’ amat dirasai bukan hanya dalam kalangan keluarga, malah, rakan-rakan sekerja dalam keluarga besar PHC.

“Sumbangan dan dedikasi mereka sepanjang tempoh perkhidmatan bersama PHC akan sentiasa dihargai dan menjadi kenangan,” katanya pada sidang media baru-baru ini di sini.

# Taman Rekreasi Seri Tanjung Pinang sedia dikunjungi

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJUNG BUNGAH –** Suasana hijau, lokasi strategik dan kepelbagaian kemudahan yang dibekalkan bakal menjadi daya tarikan utama Taman Rekreasi Seri Tanjung Pinang yang baru dilancarkan di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, kewujudan taman rekreasi tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

“Sungguhpun taman ini masih belum diketahui umum, tapi kita (Kerajaan Negeri) yakin ia mampu menarik perhatian ibu bapa yang ingin meluangkan masa bersama anak-anak mereka,” katanya ketika mengadakan lawatan khas ke Taman Rekreasi Seri Tanjung Pinang yang baru dilancarkan di sini baru-baru ini.

Berkeluasan 1.76 hektar, Taman Rekreasi Seri Tanjung Pinang dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya 1.4 kilometer laluan joging dan berbasikal, taman permainan kanak-kanak serta tandas awam. Selain itu, kawasan sekitar juga sesuai untuk perkelahan dan rehat selain mempunyai gazebo dan taman tema air mini.

Taman rekreasi yang dibangunkan oleh Eastern & Oriental Property (Penang) Sdn. Bhd. (E&O) turut dibuka untuk aktiviti berkumpulan.

Sebelum ini, antara taman yang turut dibangunkan bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri adalah Taman Persahabatan di Lebuh Farquhar; Taman Tugu Kota Demokrasi, Taman Cantik, Bagan; Taman Mini Balik Pulau dan Taman Grafiti.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri kini dalam usaha untuk mewujudkan taman-taman rekreasi dan pusat aktiviti riadah di seluruh negeri selaras dengan prinsip hijau yang diperkenalkan sejak 2009.

Untuk sebarang pertanyaan atau permohonan mengadakan aktiviti berkumpulan, sila hubungi pihak pengurusan di talian 04 - 891 3311. Taman rekreasi tersebut dibuka kepada umum bermula jam 7 pagi sehingga 7 malam setiap hari.




**Taman Rekreasi Seri Tanjung Pinang yang menarik.**

# Maklum balas untuk pelaksanaan laluan basikal

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi memantapkan Projek Cadangan Membina Laluan Basikal *'Dedicated'* Persisiran Pantai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersama Kerajaan Negeri telah mengadakan satu pameran *'Public Consultation'* bagi memberi peluang kepada orang ramai menyalurkan pandangan dan maklum balas terhadap projek tersebut baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan majlis pembukaan berkata, bagi merealisasikan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri berbasikal pertama di Malaysia, perancangan fasa satu *'Coastal Cycling Route'* bermula dari Pusat Membeli-belah Quensbay hingga pusat bandar George Town telah dibuat.

Katanya, laluan basikal sepanjang kira-kira 12.5 kilometer (km) (Fasa 1) akan dibina dan dinaiktaraf MPPP, jabatan-jabatan kerajaan bersama dengan lima syarikat pemaju yang lain dengan kos belanja hampir RM30 juta dan mengambil masa dua tahun untuk disiapkan.

"Laluan basikal sepanjang 9.6 km tersebut akan dinaiktaraf oleh pemaju-pemaju swasta berkenaan dan jumlah hanya akan ditentukan melalui tender terbuka kelak.

"Manakala, baki sepanjang 2.9 km dan sebuah jambatan melintasi Sungai 'Sungai Pinang' akan dibiayai oleh MPPP sendiri," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan *'Public Consultation'* bagi Projek Cadangan Membina Laluan Basikal *'Dedicated'* Persisir Pantai di Komtar baru-baru ini di sini.

Lima syarikat pemaju yang turut bersama MPPP membina dan menaiktaraf laluan basikal tersebut ialah IJM Land Berhad, Tropicana Ivory Sdn. Bhd., GSD Land (M) Sdn. Bhd., CP Landmark Sdn. Bhd. dan *Asia Green Group*.

Hadir sama, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin.

Dalam pada itu, tambah Guan Eng, MPPP dalam Bajet 2013 turut memperuntukkan RM5.3 juta sebagai bajet tahunan untuk projek-projek kemudahan basikal.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar melalui *"laluanbasikal@mppp.gov.my*




**LAKARAN artis laluan basikal yang bakal dibina di sepanjang persisir pantai Pusat Membeli-belah *Queensbay* hingga pusat bandar Georgetown.**



# TPS Jalan Utama dinaiktaraf

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATOK KERAMAT –** Demi rakyat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terus komited mengambil inisiatif khas menaiktaraf kompleks makanan di sini dengan projek ke-10 membabitkan Tapak Penjaja Sementara (TPS) di Jalan Utama (belakang Hospital Besar Pulau Pinang) di sini.

Yang DiPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail menyatakan bahawa projek naiktaraf kompleks makanan yang ke-10 tersebut membuktikan bahawa MPPP peka terhadap keperluan penjaja di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru para penjaja supaya meningkatkan tahap kebersihan selain inisiatif MPPP yang akan memasang perangkap minyak di laluan longkang bagi mengelakkan ianya tersumbat serta kotor.

Kerja naiktaraf TPS Jalan Utama adalah berdasarkan permintaan dan keperluan reka bentuk bersesuaian dengan aktiviti harian para penjaja di sini.

TPS berkonsepkan penjaja lazimnya wujud sejak tahun 1990-an dengan terbahagi kepada Zon A dan Zon B.

Bagi Fasa I, ia adalah melibatkan Zon A yang membabitkan 25 penjaja daripada jumlah keseluruhan 50 penjaja di kedua-dua zon.

Kos kerja menaiktaraf Zon A adalah berjumlah RM 336,398.00 dan dibiayai MPPP. Kerja-kerja yang bakal mengambil masa selama lapan bulan itu telah dimulakan sejak 27 Ogos lalu. Bagi Zon B, ia dalam proses tender terbuka.

Kompleks makanan baru terbabit bakal menggunakan bumbung baharu berbilang tingkat bagi pengalihudaraan yang baik; lantai berkonsepkan *imprint concrete* bagi mengelakkan kelicinan lantai; gerai dilengkapi pendawaian baru; perpaipan baru; dinding berjubin; sinki; tingkap gelongsor; perangkap minyak dan sampah bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan dan nilai estetika.



PEGAWAI dan kakitangan MPPP bergambar bersebelahan pelan lakaran projek pada Majlis Perasmian Pelancaran Naikraraf TPS Jalan Utama di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Pelancaran Naikraraf TPS Jalan Utama turut menyatakan bahawa pendekatan yang diambil berhubung pelaksanaan projek berkenaan adalah selaras dengan dasar yang diamalkan Kerajaan Negeri, iaitu Cekap, Akauntebel dan Telus (CAT) yang mengutamakan kehendak rakyat.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo, ADUN Pulau Tikus, Koay Teng Hai dan Ahli Majlis MPPP Ong Ah Teong.

Sehubungan itu, Jagdeep berharap pihak berwajib dapat menyelesaikan masalah kesesakan trafik di sini yang disebabkan masalah parkir dan lain-lain bagi menjamin keselesaan pengunjung di kompleks tersebut kelak.

# Laporan Audit Negara 2011 – Lembaga Muzium capai prestasi 3 bintang

**GEORGE TOWN –** Laporan Ketua Audit Negara 2011 melaporkan bahawa Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti Muzium Negeri Pulau Pinang adalah baik di mana jumlah markah keseluruhan adalah 76.97 peratus.

Pemarkahan tersebut merupakan peningkatan sebanyak 16.47 peratus berbanding pengauditan sebelumnya pada tahun 2008.

Dalam pada itu, tahap prestasi pengurusan kewangan bagi Lembaga Muzium menunjukkan peningkatan prestasi bagi *'Star Rating'* di mana pada tahun 2008 adalah 2 bintang iaitu pada tahap memuaskan dan 2011 (3 bintang, baik).

Laporan pengauditan yang dijalankan pada Jun hingga September 2011 pada keseluruhannya mendapati prestasi pengurusan koleksi dan artifak sejarah Lembaga Muzium adalah memuaskan.

Sungguhpun begitu, terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan dari aspek pematuhan manual dan prosedur kualiti seperti perolehan, pendaftaran dan penyimpanan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir pada Majlis Perasmian *Permanent Collection Of The Penang State Art Gallery* di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Muzium Negeri, Wong Hon Wai, Naib Pengerusi Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Tan Chee Khuan dan Kurator Muzium & Balai Seni Lukis, Haryany Mohamad.

Guan Eng menambah, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Lembaga Muzium, pihak Audit mendapati berlaku peningkatan jumlah kehadiran pengunjung ke Muzium Negeri pada setiap tahun iaitu 55,747 orang pada tahun 2009 kepada 65,951 orang (2011).



SALAH seorang anggota perhidmatan awam bergambar kenang-kenangan dengan lukisan bertajuk, *A Pair Of Hornbills* bersempena Majlis Perasmian *Permanent Collection Of The Penang State Art Gallery* di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Kehadiran pengunjung ke Balai Seni Lukis juga mengalami peningkatan daripada 6,691 orang kepada 11,554 orang (2011)," jelas beliau.

Sementara itu, bersempena pelancaran galeri tersebut, Guan Eng mengucapkan tahniah kepada Balai Seni Lukis negeri yang berjaya mempamerkan 578 hasil seni yang dikumpul sejak 47 tahun lalu.

# Pengorbanan & Reformasi Diri

**WALAUPUN** kemeriahan sambutan Hari Raya Aidil Adha telah berlalu, namun suka penulis kongsi bersama semangat yang wajar kita resapi dalam reformasi diri ke arah yang lebih baik. Demi usaha ini, pelbagai aktiviti mengisi erti 'pengorbanan' telah diatur dengan rapi oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, masjid dan surau, jawatankuasa qariyah, badan-badan bukan kerajaan hinggalah ke ceruk-ceruk kampung seluruh tanahair, semuanya bersedia dengan aktiviti penyembelihan dan pengagihan daging haiwan qurban, ceramah-ceramah agama, doa selamat dan kenduri kesyukuran. Sambutan meriah seperti ini tidak dinafikan, amat perlu dipergiat dan disyiarkan sebagai amalan kita mengimani perintah Allah S.W.T., namun perkara yang sama penting dan kita mungkin kerap terlepas pandang adalah usaha memahamkan umat Islam, khususnya golongan belia terhadap kefahaman dan motivasi dalam merubah diri dan komunitinya.

Sambutan yang juga dinamakan 'Hari Raya Qurban' ini juga sering dilihat dalam skop yang terbatas dalam ruang lingkup satu perayaan, ritual dan satu acara sambutan dalam kalendar tahunan umat Islam semata-mata. Mungkin disebabkan sistem yang ada hanya menekan kepada menyambut hari raya qurban, dan bukannya merayakan dan menjiwai 'budaya berkorban'. Qurban dalam bahasa Arabnya, berasal dari kata akar *'Qaruba'* yang membawa maksud 'telah dekat' atau simbolik kepada satu tanda pengorbanan harta benda, jasad dan jiwa ke arah mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

Sirah banyak sekali mengajar kita akan erti pengorbanan yang bermatlamatkan meraih redha Allah S.W.T. Dari kisah terawal kewujudan manusia, di mana dua orang putera Nabi Adam a.s., iaitu Habil & Qabil telah diminta memberi korban tanaman dan ternakan yang terbaik kepada Allah S.W.T., kemudian diikuti dengan kisah agung pengorbanan Nabi Ibrahim yang sanggup menyerahkan anak kesayangan baginda iaitu Nabi Ismail a.s. sebagai korban kepada Tuhan yang kemudiannya digantikan oleh Allah S.W.T. dengan seekor kibas, hinggalah kepada kisah keberanian Saidina Ali k.w.h. tidur di tempat Nabi Muhammad S.A.W. di kala baginda dikepung musuh-musuh Islam. Apakah intipati besar daripada pengajaran sejarah silam ini? Jelas, betapa orang muda, golongan belia Islam amat dituntut agar berani dan tidak sekali-kali gentar untuk berkorban.

Martabat pengorbanan di sisi Islam adalah tidak ternilai. Sehinggakan Allah S.W.T. berfirman di dalam Surah at-Taubah, ayat 111 yang bermaksud "Sesungguhnya Allah membeli dari orang-orang Mukmin, baik diri mahupun harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka". Apa yang dimaksudkan dengan 'membeli' dari orang-orang Mukmin itu adalah perkataan simbolik yang menyatakan betapa Allah S.W.T. akan menukarkan apa saja pengorbanan harta, wang ringgit, tenaga dan masa orang-orang Mukmin dengan membalasnya dengan ganjaran Syurga. Ini adalah isyarat besar, bahawa budaya berkorban tidak bermusim sifatnya, tidak terhad kepada ritual penyembelihan haiwan qurban semata-mata, bahkan ia adalah satu 'perniagaan akhirat' yang memberi pulangan yang amat menguntungkan.

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work



**PERUBAHAN diri menuntut pengorbanan umpama menggenggam bara api hingga jadi abu!**

## Generasi Muda & Semangat Qurban

Semangat dan motivasi terbesar yang wajar diwarwarkan di kalangan belia Islam adalah budaya untuk selalu memberikan yang terbaik dari apa yang ada pada setiap diri. Agama hanya akan bangkit andai kita memberikan yang terbaik untuknya, sehinggakan timbul pesanan seorang pemikir Islam yang mengatakan "Jika kita berikan separuh masa kita pada agama, maka lahirlah Islam itu jenis Islam Separuh *(half-time Islam)* berbanding dengan jika kita memberikan masa yang terbaik untuk agama, maka lahirlah Islam Sepenuh Masa *(full-time Islam)*". Semangat kedua yang wajar diserap oleh generasi muda hari ini adalah perasaan belas kasihan sesama saudara Islam. Peristiwa qurban mengajar kita menyelami penderitaan saudara seagama kita di seantero dunia yang berdepan dengan ancaman kemiskinan dan kebuluran, belum lagi ditambah dengan ancaman peperangan dan kematian. Ini semua perlu menjadikan hati kita terkesan, kerana setiap muslim itu bersaudara dan atas dasar itu, setiap susah senang harus kita hadapi bersama-sama.

**SEBERANG JAYA** - Pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) perlu membelanjakan hampir RM100 juta setiap tahun bagi mengurang dan menguruskan pembuangan sisa organik termasuk kos pemungutan sisa berkenaan.

Justeru, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow menyeru supaya masyarakat tempatan mengamalkan pengkomposan dan inisiatif kitar semula supaya dapat membantu MPSP dan MPPP menjimatkan kos pengurusan sampah.

"Sekiranya masyarakat sedar faedah hasil pengurusan sisa organik ini, saya percaya kos perbelanjaan mengurus dapat dikurangkan sehingga 40 peratus setiap tahun," katanya ketika melancarkan Majlis Pelancaran Pemungutan Sisa Organik dan Alat Permainan Kanak-kanak di sini baru-baru ini.

Pelancaran program yang mendapat kerjasama MPSP turut disokong syarikat kitar semula, Syarikat Shence GreenTech yang menyediakan tong-tong sampah bagi pembuangan sisa organik.

Umumnya, sisa-sisa dapur seperti sayur-sayuran, kulit buah-buahan dan semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja organik yang dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan.

Dalam pada itu, Yang diPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, sekiranya kos pengurusan sisa dapat dikurangkan, MPSP dapat menggunakan wang tersebut untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti taman permainan, taman rekreasi dan fasiliti di kawasan kediaman.

"Malah, hasil tersebut juga dapat digunakan untuk membaikpulih dan menaiktaraf jalanraya, longkang, sistem peparitan dan tandas awam di sini," ujar beliau.



**CHOW Kon Yeow (empat dari kiri) bersama Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) membuang sisa makanan ke dalam tong khas pembuangan sisa organik sebagai simbolik Majlis Pelancaran Pemungutan Sisa Organik dan Alat Permainan Kanak-kanak di sini baru-baru ini.**

## Lebih 600 Pandu Puteri sertai 4G jaga alam

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Demi memelihara serta memulihara kehijauan alam, seramai 640 Pandu Puteri dari seluruh negeri Pulau Pinang menyatakan ikrar sempena Majlis Pelancaran Kempen *Girl Guides Go Green (4G)*.



**CHAN Kit Sin (depan, tiga dari kiri) memberi penjelasan kepada Majimor Shariff (depan, dua dari kiri) mengenai demontrasi memproses sisa makanan menggunakan Unit Regen Bio yang dilakukan oleh salah seorang Pandu Puteri pada Majlis Pelancaran Kempen 4G di sini baru-baru ini.**

Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang (PGGA), Chan Kit Sin berkata, pertubuhannya mula bergiat aktif dalam aktiviti menjaga alam sekitar sejak lebih sedekad lalu lagi.

Pun begitu, katanya lagi, kebanyakan program yang dilaksanakan sebelum ini adalah secara bermusim serta tiada aktiviti susulan.

"Projek ini (4G) akan memberi penekanan pada aspek kemampanan sebagai teras utama dalam perjuangan menentang pemanasan global secara umum serta pencemaran (alam sekitar) di Pulau Pinang khususnya," ujar beliau di ibu pejabat PGGA, di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Toh Puan Majimor Shariff, iaitu isteri kepada Yang DiPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara, Datin Seri Zalilah Mohd. Taib dan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas) turut berucap pada majlis tersebut.

Turut berucap, tetamu, *Costa Georgiadis* selaku tuan rumah pada kempen *'Gardening Australia'*.

Hadir bersama pada majlis itu, Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, dan Datin Seri Su Hashim (Presiden PGGA).

Selain menanam sayur-sayuran di sekitar ibu pejabat PGGA, Kit Sin berkata, pihaknya turut menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi memantau proses kempen kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

"Jawatankuasa ini juga akan menggunakan media elektronik untuk mengingatkan orang awam mengenai kepentingan menjaga alam sekitar," ujar beliau.

Sepanjang kempen itu dilaksanakan, aktiviti mengutip dan memproses sisa makanan melalui Unit Regen Bio menjadi salah satu fokus membabitkan aktivis Pandu Puteri.

Pandu Puteri turut jelajah serta melancarkan program *'Eyes On You'* bagi merealisasikan kesedaran mampan bumi hijau.



**CHOW Kon Yeow (barisan belakang, empat dari kanan) dan Maimunah Mohd. Shariff (barisan belakang, lima dari kanan) bergambar bersama-sama kanak-kanak yang membuat persembahan pada penganjuran Karnival Komuniti Hijau 2012 baru-baru ini di sini.**

## SMK Datuk Onn johan kali ke-3 Anugerah Sekolah Hijau MPSP

**BUKIT MERTAJAM** – Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Kandu, Permtang Pauh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Onn, Butterworth diiktiraf sebagai johan Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) semasa Karnival Komuniti Hijau 2012 baru-baru ini.

Johan kategori sekolah rendah dan sekolah menengah masing-masing menerima wang tunai RM2,000 serta sijil penyertaan.

Naib Johan dan ketiga bagi kategori sekolah rendah dimenangi oleh Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light, Kampung Juru dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kay Sin, Machang Bubuk dengan masing-masing menerima RM1,600 dan RM1,000 serta sijil penyertaan.

Kategori Sekolah Menengah pula menyaksikan Sekolah Menengah Convent, Bukit Mertajam mengisi tempat Naib Johan dengan menerima RM1,600 serta sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Onn, Butterworth dengan membawa pulang tunai RM1,000 serta sijil penyertaan.

Sekolah-sekolah lain yang menyertai persaingan itu menerima sijil penyertaan daripada Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MSPP).

"Bertemakan 'Meraikan Komuniti Hijau', diharap karnival serta Anugerah Sekolah Hijau' mampu mendekatkan masyarakat terhadap aktiviti menjaga alam sekitar, termasuk program kitar semula, pengkomposan, kepekaan masyarakat terhadap kebersihan alam sekitar dapat direalisasikan bersama," ujar Kon Yeow di Auditorium MPSP, di sini.

# Boling Antara Bandar 2012 julang nama negeri

**BAYAN BARU –** Buat julung kalinya, bandaraya George Town terpilih sebagai hos penganjuran Kejohanan Boling Antara Bandar 2012 yang membabitkan 17 bandaraya sekitar Asia dangan penyertaan seramai 180 peserta di sini baru-baru ini.

Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang telah menyempurnakan acara yang dilangsungkan di *Premium Lanes, Sunshine Square* di sini.

Heng Kiang berkata, penganjuran tersebut berjaya mencatat sejarah tersendiri apabila George Town terpilih sebagai bandar penganjur bagi pertandingan edisi ke-26 tersebut.

"Saya berharap 180 peserta terutamanya dari luar Pulau Pinang yang pertama kali berkunjung ke sini supaya mengambil kesempatan untuk mengenali negeri ini.

"Anda akan jatuh hati dengan keindahan pulau ini yang menawarkan keenakan makanan tempatan dan pemandangan yang menarik. Asam Laksa merupakan makanan tempatan yang terpilih sebagai antara makanan sedap di dunia.

"Saya juga berharap ini bukan kunjungan terakhir anda semua," ucapnya ketika merasmikan Kejohanan Boling Antara Bandar 2012 di sini baru-baru ini.

Antara bandaraya yang mengambil bahagian adalah Belait, Capitol Hill, Happy Valley, Hong Kong City, Jurong, Kuala Lumpur, Kuching, Macau City, Paranaque, Pasay, Saipan City, San Juan, Shah Alam, Taipa, Taipei City, Tamuning, dan George Town.

Sebagai gimik pelancaran, Heng Kiang turut membuat balingan dengan sembilan jatuhan pin dan mendapat sorakan gemuruh daripada para peserta.



**LAW Heng Kiang (tengah, berbaju batik biru) bersama-sama para peserta menunjukkan tanda bagus bersempena penganjuran Kejohanan Boling Antara Bandar 2012 di sini baru-baru ini.**



**PERSEMBAHAN menarik kanak-kanak dan dif-dif jemputan bersempena penganjuran Hari Kanak-kanak Sedunia Food & Fun Fair di sini baru-baru ini.**

# Beramal di sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Riuh-rendah 200 kanak-kanak menjadi tarikan utama penganjuran sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Food & Fun Fair yang berlangsung di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

Antara acara menarik yang menghiasi penganjuran tersebut adalah persembahan khas kumpulan kanak-kanak, pertandingan *Jigsaw Puzzle*, menunggang serta memberi makan kuda yang dibawa khas *Penang Turf Club*, pameran serta demonstrasi pasukan Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan lain-lain.

Program anjuran *Penang Toys Stories Project Committes* dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan *Penang Mental Health Association (PMHA)* turut memperoleh tajaan dari *Penang Turf Club, Sunquick*, *Instant Trading*, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang dan Petronas

Objektif penganjuran adalah bagi menyalurkan dana kepada badan bukan kerajaan (NGO), *2-Way Centre* yang diurus oleh PMHA bagi membantu golongan kanak-kanak yang mengalami kesukaran untuk mengadaptasi proses pembelajaran.

Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara, Betty Chew Gek Cheng yang hadir menyempurnakan majlis pelancaran program berkata, beliau berharap golongan kanak-kanak kurang benasib baik tersebut (dari *2-Way Centre*) dapat membesar dalam persekitaran yang sihat seperti kanak-kanak lain.

"Kita tidak hanya memfokuskan pada pembelajaran semata-mata, tetapi kita juga ingin melihat mereka berdikari dalam kehidupan seharian.

"Sejak tahun-tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri kerap menganjurkan program untuk golongan kanak-kanak tersebut terutamanya dalam meluangkan masa berguna bersama keluarga masing-masing," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yow, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Program Hari Kanak-kanak Sedunia Food & Fun Fair, Dr. Sim Joo Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin.

# Bilik Laktasi MPSP ke arah mesra susu ibu

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT MERTAJAM –** Bagi menggalakkan penyusuan susu ibu secara eksklusif, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif khas menyediakan sebuah bilik laktasi kepada hampir 40 peratus atau 160 penjawat wanita yang berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan di sini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Shariff berkata, penyediaan kemudahan tersebut adalah selaras dengan '*tagline*' MPSP tahun ini iaitu 'Kemampanan Adalah Komitmen Kami', yang turut menjadi pendokong bagi mewujudkan keluarga yang mampan seiring dengan kemajuan MPSP

"MPSP begitu prihatin dalam menyediakan prasarana dan kemudahan khusussnya kepada penjawat wanita dan para pelanggan yang berkunjung ke sini (MPSP)," kata Maimunah pada Majlis Perasmian Bilik Laktasi MPSP di sini baru-baru ini.

Bilik laktasi MPSP merupakan bilik laktasi kedua yang disediakan di bangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada 1 Disember 2011, bilik laktasi pertama telah dilancarkan di Tingkat 47, Komtar di sini.

Menurut Maimunah, Ahli Majlis MPSP merangkap Pengerusi Pasukan Wanita LA21 Kecemerlangan Wanita, Tan Xin Ying merupakan pencetus bagi penubuhan bilik laktasi MPSP.

"Selain itu, Pakar Perunding Pediatrik dan Laktasi, Dr. Balkees Abdul Majeed turut merealisasikan penubuhan bilik laktasi yang menelan belanja RM9,000 dengan khidmat nasihat dari *World Alliance for Breastfeeding Action (WABA)*.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud; Naib Pengerusi PUSPANITA, Che Limah Ujang dan wakil WABA, Jennifer Maureen.



**MAIMUNAH Mohd. Shariff menunjukkan botol-botol mengandungi susu ibu bersempena Majlis Perasmian Bilik Laktasi MPSP di sini baru-baru ini.**



KAKITANGAN Zul sedang menyiapkan bingkai tingkap aluminium.



PASANGAN suami isteri yang mengambil cabaran bergiat dalam bidang perniagaan cermin dan aluminium di Penaga.

# Zul, anak muda berjaya tanpa 'modal'

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**SEMANGAT** kental, berani dan amanah membuatkan Buletin Mutiara (BM) amat mengangumi anak muda yang kini berkecimpung sepenuh masa di dalam bidang perniagaan cermin dan aluminium.

Memulakan perniagaan tanpa sebarang 'modal', Mohd. Rosli Wahab, 29, atau lebih dikenali sebagai Zul kini memiliki sebuah premis milik sendiri dengan bantuan empat kakitangan sepenuh masa di Pasir Gebu, Penaga, Seberang Perai Utara.

"Masa mula-mula buka kedai, semua modal barang ambil dari orang (pembekal) sebab modal berniaga sendiri tidak cukup. Malah, peralatan yang digunakan adalah manual.

"Pada aspek itu, kita kena amanah dengan pemberi 'modal'," jelasnya ringkas kepada BM di sini baru-baru ini.

Menurut Zul, keyakinan untuk membuka premis perniagaan sendiri adalah atas nekad serta sokongan daripada isterinya, Yuslina Mohd. Yusof, 30, yang turut mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan.

"Setelah lapan tahun makan gaji dengan dua tauke (majikan) di dalam bidang sama, saya bertekad membuka perniagaan sendiri demi keluarga.

"Dalam tempoh setengah tahun mula-mula berniaga, modal yang ada adalah tidak mencukupi untuk membeli bekalan diperlukan. Justeru, nak beli barang pun ambik dulu dari orang (pembekal) yang saya kenal masa makan gaji dulu," ujar Zul yang kini dikurniakan tiga cahaya mata.

Selepas tiga tahun, hasil komitmen dan kesungguhannya, permintaan produk Zul bukan hanya meliputi pasaran tempatan, sebaliknya, turut memperoleh perhatian daripada syarikat-syarikat gergasi yang bertapak di negeri sini serta negeri-negeri sempadan.

"Melayan kerenah pelanggan adalah antara cabaran dalam bidang perniagaan.

"Contohnya, dalam satu kes, setelah bertungkus-lumus selama sehari, tiba-tiba, pelanggan terbabit meminta kami menanggalkan semua tingkap, pintu *sliding* dan siling gantung yang telah siap dipasang disebabkan masalah salah faham pada peringkat awal.

"Kemudian, kami diminta untuk memasang peralatan-peralatan tersebut semula," katanya sambil tersenyum.

Di samping itu, antara cabaran lain yang dihadapi beliau adalah kesukaran dalam mendapatkan bekalan aluminum dengan cermin.

"Saya dan isteri kena banyak 'berjalan' bagi mencari pembekal-pembekal bahan-bahan berkenaan. Kini, kami memperolehnya dari pembekal di Perai, Chai Leng Park, Chain Ferry dan bekalan cermin dari Sungai Lokan.

"Selain kemudahan logistik, faktor tiada stok menyebabkan kami terpaksa mengenalpasti beberapa pembekal bagi memenuhi permintaa para pelanggan dari semasa ke semasa," ujar beliau yang turut menekankan bahawa bidang tersebut amat memperuntukan keperincian dan tahap disiplin yang tinggi.

Ini kerana, sekiranya cermin aluminium tersilap potong sebanyak satu inci, ia tidak lagi boleh digunakan.

Zul yang hanya menamatkan pembelajaran Tahun 6 tidak menafikan bahawa beliau lebih berminat dalam bidang perniagaan berbanding akademik.

"Selepas tamat sekolah, macam-macam kerja telah saya lakukan, antaranya, bekerja di kilang kayu, kilang besi, berniaga di pasar malam, menjalankan perniagaan kedai runcit, kedai makan dan lain-lain," katanya yang berasal dari Lubuk Merbau, Kuala Nerang.

Bagi perancangan masa depan, Zul berharap untuk memperluaskan bidang perniagaannya dengan membuka sebuah lagi cawangan perniagaan di luar kawasan Penaga.



PRODUK-produk yang masih dalam proses untuk disiapkan.



YUSLINA Mohd. Yusof memerhatikan Zul memotong cermin berdasarkan ukuran tempahan pelanggan.

Bagi maklumat lanjut :
**Zul Kedai Cermin & Aluminium**
**No. 761 Pasir Gebu, 13100 Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.**
**017 – 454 8695 / 017 – 450 7904**

# Fokus demokrasi tulen Kerajaan Tempatan - Ramlah Bee



RAMLAH Bee Asiahoo.

**HASRAT** melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan membabitkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sungguhpun menerima layanan dingin daripada kerajaan pusat tidak pernah mematahkan semangat Ramlah Bee Asiahoo untuk merealisasikan iklim demokrasi tulen di negeri berkenaan.

Taklifan sebagai Ahli Majlis MPPP merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Bajet Responsif Gender (GRB) dimanfaatkan sebaik mungkin untuk mendemokrasi lagi potensi rakyat khususnya dalam Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di sekitar George Town.

Dalam pertemuan dengan wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini, beliau berkongsi kejayaan merealisasikan GRB di PPRT Jalan Sungai, George Town.

Beliau berkata, bukan mudah untuk MPPP menggembleng partisipasi penduduk setempat di situ kerana Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) seakan mengabaikan kebajikan di kawasan perumahan tersebut melainkan pada musim pilihanraya.

Lanjutan itu, katanya, budaya demokrasi setempat melalui persatuan penduduk hampir tidak berfungsi demi kepentingan bersama.

"Di flat PPRT, kita telah melaksanakan GRB di (PPRT) Jalan Sungai bagi peringkat MPPP. Di peringkat MPSP, di (PPRT) Ampang Jajar pada tahun ini.

"Dulu, menjadi dilema bagi MPPP untuk mendapatkan kerjasama daripada persatuan penduduk, termasuk di (PPRT) Jalan Sungai.

"Tak dapat respon baik daripada penduduk. Ada satu dilema komunikasi di situ.

"Kita tidak mahu masalah ini berpanjangan dengan tiada fokus pada isu penempatan rakyat miskin di situ.

"Melalui projek GRB, wakil *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) telah berkampung di situ selama beberapa bulan sepanjang tahun ini dan kita melihat masalah penduduk serta isu-isu kebajikan serta kelemahan infrastruktur di tempat mereka," ujar beliau.

Beliau berkata, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng yang juga Ahli Lembaga Pengarah PWDC banyak membantu beliau memahami konsep Gender, Urus Tadbir Baik dan GRB dalam usaha menerapkan pemahaman ini kepada kakitangan MPPP dan mendekatkan MPPP dengan penduduk setempat di PPRT Jalan Sungai sejak 11 bulan lepas.

"Walaupun kita tahu bahawa tunggakan bayaran sewa (kediaman) mereka itu agak tinggi, namun, dalam melaksanakan tanggungjawab sosial majlis perbandaran terhadap rakyat termiskin, maka kita teruskan usaha murni ini (GRB).

"Hasil usaha selama 11 bulan ini, kita melihat satu hubungan komunikasi yang baik serta mengeratkan hubungan antara rakyat termiskin di situ dengan majlis perbandaran.

"Ada yang tiada pekerjaan tetap, ada penganggur, ada yang cacat (OKU - orang kurang upaya), ibu tunggal, warga emas yang terbiar, pelbagai kategori gender di situ, GRB menjadi satu usaha yang murni dan baik.

"Sepanjang interaksi ini berlangsung, kita (MPPP & PWDC) pun telah berkongsi pengalaman serta melontar idea-idea untuk menjana pemikiran mereka melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala.

"Kita (MPPP & PWDC) juga mengadakan program-program komuniti seperti pameran, senaman, aktiviti-aktiviti riadah dan mesyuarat, dialog dan bancian bersama penduduk di bawah konsep Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

## LANCAR HARI MENGUNDI BAJET

Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, MPPP turut melancarkan Hari Mengundi Bajet di PPRT Jalan Sungai yang dikatakan buat kali pertama dilakukan di negeri tersebut.

Ini kerana katanya, Kerajaan Negeri dulu tidak pernah mengemukakan bajet PBT berasaskan suara penduduk setempat.

"GRB umumnya adalah masyarakat menentukan hala tuju bajet Kerajaan Tempatan.

"Pada hari itu, telah diadakan hari mengundi bajet di mana ianya adalah satu proses demokrasi tempatan.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pemerintahan BN, PBT (pihak berkuasa tempatan) iaitu MPPP dan MPSP yang menentukan jumlah bajet serta apakah kegunaan bajet bagi PPRT itu.

"Rakyat miskin tiada ruang untuk bersuara sedangkan mereka membayar cukai.

"Tetapi sekarang, kita (MPPP) adakan Hari Mengundi Bajet untuk rakyat sendiri mendapat respon serta penjelasan - apakah keperluan di kediaman mereka sebelum suatu bajet dirangka lalu dilaksana oleh PBT.

"Mereka tentukan keperluan-keperluan menaiktaraf atau projek landskap asas atau isu kebersihan atau isu keselamatan yang wajar dilaksanakan oleh MPPP.

"Mereka boleh mengundi dalam tujuh perkara untuk memastikan MPPP melaksanakan bajet keperluan mereka.

"Semua penduduk setempat di situ terlibat dalam Hari Mengundi Bajet Selama tiga hari," ujar beliau.

## CABARAN & HARAPAN

Beliau mengaku, banyak cabaran yang dilalui sebagai Ahli Majlis tiga tahun lepas terutamanya daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan.

"Banyak kekangan diterima dalam merealisasikan demokrasi tulen di negara ini, tapi, itu tidak boleh menjadi alasan untuk kita diam dan tidak melakukan apa-apa yang diharapkan oleh rakyat setempat.

"Kita sebagai Ahli Majlis jangan kecil hati apabila terima aduan daripada rakyat, tetapi, terus bekerja '25 jam' sehari jika ya ada lebih sejam lagi (dalam) sehari.

"Pengenalan GRB di Pulau Pinang boleh dikatakan suatu kejayaan untuk membela hak rakyat di bawah PBT. GRB di Pulau Pinang ini adalah yang pertama dalam sejarah negeri ini walaupun ianya telah diamalkan di kira-kira 60 negara berstatus maju di peringkat dunia.

"Justeru kita berharap, GRB ini mendapat partisipasi semua pihak dan ianya terdapat dalam Agenda Wanita Malaysia dengan misi Wanita Berdaya Negara Sejahtera dalam usaha menerapkan peka gender di peringkat PBT.

"MPPP dan PWDC serta penglibatan masyarakat umum akan menjayakan misi demokrasi, peka gender dan GRB di peringkat negeri ini dan hasilnya memberi impak kelangsungan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

"Semoga semua inisiatif ini meletakkan Pulau Pinang sebagai model perbandaran demokrasi tulen baru untuk masa depan Malaysia kelak," ujar beliau.



RAMLAH Bee Asiahoo ketika berucap dalam satu majlis gotong-royong sempena kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.





SUASANA Hari Mengundi Bajet di PPRT Jalan Sungai.

# Pemilik diseru patuhi garis panduan telefon awam

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memutuskan untuk memberi tempoh selama 30 hari kepada empat syarikat pemilik telefon awam di sini supaya mematuhi Garis Panduan Pemasangan Pondok Telefon yang diluluskan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit pada Julai lalu baru-baru ini.

Tempoh 30 hari yang diberikan adalah bermula pada 16 Oktober lalu kepada syarikat-syarikat Callways Sdn. Bhd. Paycomm Network Sdn. Bhd, Aliya Technologies Sdn. Bhd dan CCI Sdn. Bhd..

Ahli Majlis MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman berkata, selepas tempoh tersebut, MPPP akan mengambil tindakan tegas terhadap pondok telefon awam yang menjadi halangan dan mendatangkan bahaya kepada pengguna.

"Pihak majlis akan melekatkan notis di pondok-pondok telefon terlibat supaya pemilik berkenaan dapat menghubungi majlis semula untuk semakan lanjut.

"Tetapi, sekiranya selepas tempoh sebulan berlalu tanpa sebarang maklum balas, kita (Majlis) berhak menanggal dan membuka pondok telefon tersebut mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133)," katanya pada sidang media berkenaan Panduan Pemasangan Pondok Telefon di Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Ahli Majlis MPPP, Ramlah Bee Asiahoo.

Menurut Muhammad Sabri, pihak majlis memerlukan kerjasama dan maklumbalas daripada pemilik-pemilik pondok telefon berkenaan untuk mengemaskini dan membuat satu senarai inventori di seluruh bahagian pulau.

Tambah Sabri, hampir 2,200 pondok telefon (dalam dan luar bangunan) adalah dimiliki oleh syarikat swasta.

"Tujuan garis panduan ini adalah untuk mengembalikan pondok telefon yang daif, cacat pemandangan dengan lambakan stiker haram agar ia lebih terurus, teratur, kemas serta selamat digunakan oleh orang ramai dan orang kurang upaya (OKU).

"Malah, inisiatif ini juga selaras dengan sahutan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah 3C iaitu *Crime, Congestion* dan *Cleanliness,*" ujarnya.




**MUHAMMAD Sabri (kiri sekali) melekatkan notis amaran di pondok telefon awam sambil diperhatikan Ramlah Bee Asiahoo (kanan sekali) pada majlis sidang media di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**


## MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

### IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD43 | Tetap / Kontrak |
| 2. | Pegawai Veterinar | G41 | Tetap / Kontrak |
| 3. | Pegawai Penguatkuasa Kontrak | N41 | Tetap / |
| 4. | Penolong Pegawai KesihatanPersekitaran | U29 | Tetap / Kontrak |
| 5. | Penolong Pegawai Tadbir | N27 | Tetap / Kontrak |
| 6. | Pembantu Penguatkuasa | N17 | Tetap / Kontrak |
| 7. | Pembantu Kesihatan Awam | U17 | Tetap / Kontrak |
| 8. | Pemandu Kenderaan | R3 | Tetap / Kontrak |

Iklan mengenai jawatan kosong ini telah disiarkan di dalam akhbar *'The Star'* dan *'Sinar Harian'* pada **14.11.2012.**
CARA MEMOHON : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi *"http://www.mppp.gov.my/" http://www.mppp.gov.my.* atau *"http://eperjawatan.mppp.gov.my/" http://eperjawatan.mppp.gov.my* mulai **14 November 2012.**
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **28 NOVEMBER 2012**




**PATAHIYAH Ismail (bertudung merah jambu) bersama-sama Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bergambar kenangan selepas Mesyuarat Pembentangan Bajet 2013 MPPP di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.**

# Bajet 2013 MPPP tumpu pembangunan dan penghijauan bandar

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak RM76.18 juta daripada keseluruhan Bajet 2013 Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal ditumpukan kepada aspek mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar bertaraf antarabangsa dengan memantapkan kebersihan, kehijauan, sihat dan selamat baru-baru ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail di Dewan Bandaran ketika pembentangan bajet pada Mesyuarat Khas Bilangan 03 Tahun 2012 baru-baru ini di sini.

Bajet yang bertemakan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat berjaya mencatatkan lebihan dalam penyata kewangan untuk tiga tahun berturut-turut iaitu sebanyak RM48.02 juta bagi tahun 2009, RM63.27 juta (2010) dan RM69.92 juta (2011).

Buat julung kalinya juga Bajet 2013 bakal melibatkan penyertaan orang awam dalam memberikan cadangan dan maklum balas menerusi kajian secara dalam talian (*online*) yang telah dijalankan pada 1 Julai hingga 15 Julai 2012 lalu.

Patahiyah berkata, Bajet 2013 merupakan satu bajet defisit yang akan dibiayai dari wang simpanan Majlis.

"Bajet yang dicadangkan bagi tahun 2013 bakal melibatkan hasil sebanyak RM328.56 juta berbanding perbelanjaan sebanyak RM402.21 juta. Ini melibatkan defisit sebanyak RM73.65 juta dan defisit tersebut akan dibiayai dari wang simpanan Majlis.

"MPPP mempunyai tiga punca hasil utama iaitu Hasil Cukai berjumlah RM169.46 juta atau 51.58 peratus, Hasil Bukan Cukai RM138.75 juta (42.23 peratus) dan Terimaan Bukan Hasil, RM20.35 juta (6.19 peratus)," ujarnya.

Dalam pada itu, tambah Patahiyah, dalam usaha meningkatkan pembangunan dan penyediaan kemudahan awam, Majlis bakal melaksanakan beberapa projek pembangunan.

"Peruntukan kewangan sebanyak RM96.46 juta iaitu 23.98 peratus daripada jumlah perbelanjaan tahunan telah disediakan bagi tujuan berkenaan.

"Di antara projek yang akan dilaksanakan 2013 adalah membaikpulih dan pemuliharaan bangunan Dewan Bandaraya membabitkan kos sebanyak RM3.48 juta dan platform menunggu Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong (RM200,000)," ujar beliau.

Di samping itu, beliau memberitahu, peruntukkan sejumlah RM4.4 juta akan digunakan untuk menaiktaraf Kompleks Sukan Balik Pulau dan Stadium Bandaraya yang telah 'berusia'," ujarnya.

# Daftar saingan *City Walk 2013* MPPP sebelum 10 Disember

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mencipta sejarah tersendiri dengan penganjuran *'City Walk 2013'* sempena meraikan Hari Bandar 2013 yang dijadualkan berlangsung pada 1 Januari tahun depan.

Mereka yang berusia 12 tahun dan ke atas layak menyertai saingan terbuka tersebut. Kebenaran waris diperlukan bagi peserta di bawah umur 18 tahun.

Itu, tidak termasuk senamrobik yang bermula pada jam 7.30 pagi, dijadualkan turut menerima penyertaan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Yang Dipertua MPPP, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, jalanan kaki sejauh 5 kilometer bakal bermula pada jam 8.00 pagi dari Lebuh Pantai, di sini.

"Acara ini boleh menampung 3,000 peserta sahaja. Yuran pendaftaran adalah RM5 bagi peserta berusia 12 tahun ke atas," katanya pada sidang akhbar di Komtar baru-baru ini.

Tambah beliau, peserta berumur 12 tahun dan ke atas akan diberikan baju kemeja T.

Tidak cukup dengan itu, jelasnya, mereka yang berjaya menamatkan acara jalanan kaki dalam masa kurang daripada dua jam layak untuk menerima cabutan bertuah.

Sepanjang acara itu berlangsung, beliau berkata, beberapa jalan sekitar "George Town Zon Warisan Dunia UNESCO" bermula dari Lebuh Pantai, Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, Lebuh Light, Jalan Penang, Lebuh Muntri, Love Lane, Lebuh Buckingham, Lebuh Acheh, Lebuh King dan Lebuh Gereja sebelum menuju kembali ke lokasi pelepasan jalanan kaki akan ditutup.

Tarikh tutup untuk pendaftaran peserta adalah pada 10 Disember depan, manakala, baju kemeja T boleh mula dituntut pada 30 Disember depan antara jam 10 pagi hingga 4 petang di pentas terbuka teater, Taman Perbandaran Pulau Pinang.




**POSTER penganjuran *City Walk 2013.***

Info lanjut, sila hubungi Shariff 04-2270618, atau Elyn Ong 012-4532704 atau emel, *wongpangkong@gmail.com*.




**SEBAHAGIAN kakitangan MPSP mendengar pengumuman daripada Maimunah Mohd. Sharif ketika sesi Perhimpunan Korporat Kali-3 MPSP di sini baru-baru ini.**

# Intipati Bajet 2013 MPSP dikongsi bersama kakitangan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM -**Intipati Bajet 2013 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang bakal memberi tumpunan kepada program dan kerja-kerja pembersihan mendahului ucapan Yang Dipertua pada Perhimpunan Korporat Kali - 3 pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua, Maimunah Mohd. Sharif berkata, sebanyak 31 peratus atau RM85.58 juta daripada keseluruhan perbelanjaan Bajet 2013 MPSP bakal ditumpukan kepada aspek pembersihan.

"Selain itu, lapan perkara utama lain yang turut ditumpukan adalah lalulintas (RM10.7 juta), pembangunan insan (RM3.07 juta), keceriaan (RM3.07 juta), mengukuhkan kedudukan kewangan (mendapatkan hasil) (RM17.75 juta), kawalan banjir (RM5.74 juta), perkhidmatan dan komuniti (RM2.14 juta) dan menaiktaraf struktur dan penyelenggaraan (RM8.38 juta)," katanya pada perhimpunan berkenaan di sini baru-baru ini.

MPSP merupakan PBT terbesar dalam negara dan Asia Tenggara bertulangbelakangkan 2,000 kakitangan bertugas.

Dalam pada itu, menurut Maimunah, MPSP menyasarkan pendapatan sebanyak RM200.93 juta, perbelanjaan (RM 211.28 juta), manakala defisit (RM10.35 juta).

"Fokus bajet adalah meliputi aspek pembersihan dan kehijauan, mewujudkan eko komuniti, perancangan dan pembagnunan, penguatkuasaan, peningkatan hasil dan penjimatan kos, penyertaan komuniti dalam pengurusan fiskal dan pembinaan kapasiti modal insan.

"Antara peruntukan baru yang diperkenalkan adalah untuk mempertingkatkan kemudahan orang kurang upaya (OKU) sebanyak RM100,000 dan untuk setiap ahli majlis bagi menampung permintaan di kawasan masing-masing (RM 20,000)," jelas beliau.

# Pasar awam moden bakal dibangun di Teluk Kumbar

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Bagi melonjakkan ekonomi di kawasan Teluk Kumbar, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah meluluskan bajet sebanyak RM9.25 juta untuk tujuan pengambilalihan sebidang tanah bagi pembinaan sebuah kompleks pasar awam moden setingkat di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Iszuree Ibrahim berkata, inisiatif tersebut diambil ekoran dilema penduduk yang selama ini terpaksa berulang alik ke pekan Bayan Lepas bagi mendapatkan kemudahan dan keperluan asas.

"Dengan adanya sebuah pasar awam lengkap iaitu pembahagian produk barangan basah, kering, runcit, gerai makanan, pakaian dan surau, ia diharap dapat merancakkan ekonomi setempat dan membantu para petani kecil dan nelayan bagi menempatkan barangan mereka untuk dipasarkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada satu sidang media selepas Mesyuarat Pembentangan Bajet 2013 MPPP di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Majlis, Mohd. Zahry Shaikh Abdul Rahman.



**ISZUREE Ibrahim.**

Menurut Iszuree, pasar awam moden berkenaan bakal menempatkan 222 lot gerai.

"Ini adalah satu usaha di bawah Kerajaan PR untuk memartabatkan penduduk dan peniaga di sana.

"Kita (MPPP) berharap penduduk setempat bakal mempunyai kehidupan lebih selesa dan merasa impak perubahan yang dilakukan Kerajaan Negeri PR," ujarnya.

Tambah beliau, penduduk Teluk Kumbar telah lama diabaikan apabila tiada kemudahan dan pembangunan yang seimbang di kawasan tersebut.

"Tiada bank, pasar mahupun stesen minyak. Justeru, hak penduduk adalah wajib dipertahankan," tegasnya.

# Laksana rewang ibadah korban unik



MOHD. Tuah Ismail (kanan sekali) menyempurnakan penyembelihan kambing sempena sambutan Aidiladha di Kampung Sungai Burong di sini baru-baru ini.

**TUNAI IBADAH...** Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail menyatakan bahawa ibadah korban adalah syariat dituntut dalam bulan Zulhijjah dan merupakan suatu perlambangan kepada penyerahan, pengabdian dan pengharapan yang lebih besar serta mendalam kepada umat Islam.

Menurutnya, pengajaran dari ibadah korban adalah untuk memahami keutamaan dan maqasid pensyariatan dengan mendahulukan redha Allah S.W.T atas segala kecintaan kepada manusia.

"Alhamdulillah, Aidiladha kali ini lebih bermakna kerana kita telah menjalankan ibadah korban dengan jayanya di beberapa kampung secara merewang sekitar Pulau Betong antaranya di Pondok Upeh, Kampung Terang, Kampung Titi Teras dan Jeti Nelayan Pantai Malindo, Sungai Burong.

"Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) serta penduduk setempat banyak membantu dalam pelaksanaannya.

"Malah, saya sendiri berkesempatan untuk menyempurnakan penyembelihan kali ini, alhamdulillah," ujar Tuah yang turut menyatakan bahawa sambutan sebegini mampu mengeratkan silaturrahim pelbagai lapisan masyarakat.

# Nelayan dapat rumah baru

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TELOK BAHANG –** Berkat kesabaran seorang nelayan, Osman Awang, 65, yang tidak pernah putus asa walaupun hampir 10 kali membuat permohonan bagi mendapatkan sebuah rumah baru sebelum ini akhirnya direalisasikan di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) di sini baru-baru ini.

Menurut Osman yang berasal dari Kampung Teluk Awak di sini dan kini menumpang di rumah rakan karibnya menyatakan bahawa, permohonan beliau dibuat sejak pemerintahan kerajaan lama.

"Dari dahulu lagi, sudah hampir 10 kali saya membuat permohonan untuk rumah baharu ini, namun tidak pernah dapat.

"Kini, dengan kelulusan permohonan yang diberikan, saya melahirkan rasa syukur, lega dan terima kasih kepada pihak-pihak terlibat terutamanya Kerajaan Negeri, Datuk Halim (Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Telok Bahang, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Bahang dan semua yang terlibat," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Osman memberitahu, rumah bernilai kira-kira RM25,000 tersebut adalah lebih selesa dari kediaman beliau sebelum ini yang agak tidak sempurna terutamanya pada aspek keselamatan beliau dan anak-anak.

Rumah baru hasil peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Balik Pulau dan inisiatif khas Abdul Halim tersebut dibina di atas tapak kediaman lama Osman.

OSMAN Awang (tiga dari kanan) bersama-sama Abdul Halim Hussain (tengah), JKKK dan PPK Telok Bahang bergambar kenang-kenangan di hadapan rumah baru di Kampung Teluk Awak di sini baru-baru ini.




# Tuah penduduk Rumah Pangsa Bata Merah




Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU LANCHANG –** Sebanyak RM30,000 diperuntukkan untuk tujuan pembangunan dan pembekalan peralatan sukan kepada penduduk Rumah Pangsa Bata Merah di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang berkata, jumlah peruntukan tersebut adalah untuk pembangunan dan penyelenggaraan rumah pangsa enam blok berkenaan.

"Selain menaiktaraf kemudahan surau yang menelan kos berjumlah RM3,000, penduduk turut menerima kemudahan senaman serta penyelenggaraan taman rekreasi dan santai bernilai kira-kira RM5,000.

"Malah, peruntukan tersebut turut diutilitasikan sepenuhnya untuk penyelenggaraan beberapa fasiliti, membina semula sudut senaman dengan kemudahan lima jentera senaman ringkas dan menanam semula rumput di taman permainan kanak-kanak," katanya ketika mengadakan lawatan ke Rumah Pangsa Bata Merah di sini baru-baru ini.

LAW Heng Kiang (kiri sekali) bersama beberapa penduduk di Rumah Pangsa Bata Merah mencuba jentera senaman ringkas yang baru dipasang di sini baru-baru ini.

# Pertandingan memancing pikat 200 peserta

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SEBERANG JAYA –** Hadiah utama wang tunai bernilai RM777.77 menjadi rebutan 200 peserta Pertandingan Memancing 2012 di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Walaupun dimulakan seawal 7 pagi, ia langsung tidak menggugat semangat kaki pancing untuk berentap di dalam pertandingan yang julung kali diadakan hasil anjuran Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang dengan kerjasama Pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam.

PPK berkenaan, Asrol Sani Abdul Razak berkata, selain bersuka-ria, objektif utama penganjuran program tersebut adalah untuk mengeratkan ukhuwah sedia ada.

"InsyaAllah, di masa hadapan kita akan mengadakan lebih banyak program-program kemasyarakatan agar rakyat berasa dekat dengan kepimpinan masyarakat," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim; Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail; Ketua Whip Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai, Johari Kassim dan Penghulu Daerah, Hafizi Mohamad.

Hadiah utama dimenangi, Rosli Md. Saad; Naib Johan, Mohd. Ah-Anshari; Ketiga, Rozman Ismail dan Keempat, Mohd. Reduan Ahmad.




**JOHAN Pertandingan Memancing 2012 menunjukkan hadiah dimenangi sambil diperhatikan Law Choo Kiang (tiga dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.**

# JKKK, PPS & Briged Permatang Pauh dihargai

**PENGHARGAAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman baru-baru ini menganjurkan Majlis Santai Bersama-sama Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Penanti dan Briged Permatang Pauh di Penanti baru-baru ini.

Program tersebut diadakan bagi menghargai penat lelah yang telah dicurahkan oleh kepimpinan komuniti terhadap penduduk setempat. Malah, ia juga bagi merapatkan ukhuwah dalam kalangan penduduk setempat dan kepimpinan komuniti di samping menanamkan sifat gotong-royong.

"Alhamdulillah, walaupun dengan notis pendek kita berjaya menganjurkan program santai ini, hebat kepimpinan setempat.

"Lauk-pauk yang disediakan secara gotong-royong oleh JKKK Padang Ibu memang menyelerakan dan sedap," seloroh Mansor yang sememangnya menggemari gulai ikan temenung lemak.

Dalam program yang sama, beliau yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri I turut menyampaikan set baju korporat kepada semua JKKK di Penanti.

Antaranya, JKKK Padang Ibu, JKKK Sungai Lembu, JKKK Kampung Mengkuang, JKKK Kubang Ulu Kuala Mengkuang, JKKK Kampung Tun Sardon, JKKK Tanah Liat Mukim 9, JKKK Mengkuang Titi dan JKKK Guar Perahu.



**MANSOR Othman (dua dari kiri) turut menjamu selera bersama penduduk setempat pada Majlis Santai Bersama-sama Ahli-ahli JKKK, PPS Penanti dan Briged Permatang Pauh di Penanti di sini baru-baru ini.**




**MOHD. Salleh Man (berkopiah) bersama-sama sebahagian penduduk yang hadir pada Majlis Khas Sumbangan Deepavali DUN Permatang Pasir di sini baru-baru ini.**

# Pelbagai lapisan penduduk dirai

**PERMATANG PASIR –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man menyatakan bahawa suasana harmoni perlu dipupuk agar sifat kebersamaan dan saling hormat-menghormati sesama kaum terpelihara.

"Kita bersama dan sentiasa bersama tidak kira Melayu, Cina, India.

"Apatah lagi dalam kegirangan menyambut pelbagai perayaan seperti Aidiladha, Deepavali, Krismas dan Tahun Baru Cina yang bakal menjelang," tambahnya pada Majlis Khas Sumbangan Deepavali Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

Bersempena majlis tersebut, sejumlah 50 buah keluarga berketurunan India diraikan dan menerima sumbangan hamper yang berupakan makanan asasi harian. Turut diraikan adalah kira-kira 20 pelajar yang menerima sumbangan beg sekolah.

Mohd. Salleh berkata, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) memainkan peranan penting sebagai penghubung antara penduduk dan kepimpinan tempatan.

"Malah, JKKK adalah 'orang pertama' yang akan mengetahui permasalahan penduduk terutama ketika berlakunya bencana," jelas beliau.


Pulau Pinang Bersih,
Hijau, Selamat & Sihat
BERSATU DAN SETIA
CONTOH
100
DAFTARLAH SEKARANG!!! di pejabat ADUN ANDA!
PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS
PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS